

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM**  
**KAWASAN : BERUAS**  
**TARIKH : 8.3.2013 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 16**

**YB DATO' NGEH KOO HAM** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada harga kereta di negara kita akan turun selepas Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) yang telah ditandatangani oleh negara kita dilaksanakan. Adakah Kerajaan akan terus memastikan harga kereta import tinggi untuk melindungi kereta PROTON.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Harga kereta di pasaran tidak ditetapkan oleh pihak Kerajaan tetapi adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran (*market forces*), harga komponen CKD yang diimport dan juga yang diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Namun demikian, Kerajaan terus berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta untuk memastikan harga kereta yang berpatutan. Beberapa syarikat seperti BMW, Hyundai dan Lexus telahpun mula menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing seperti pengenalan model/varian baharu dan penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan (CKD).

Tuan Yang Di Pertua,

Keanggotaan Malaysia di dalam mana-mana rundingan perdagangan bebas (*Free Trade Agreement* - FTA) termasuk TPPA adalah bertujuan memperluaskan akses barang Malaysia di pasaran negara rakan FTA berkenaan.

Dalam hal ini, syarikat-syarikat automotif tempatan seharusnya merebut peluang ini untuk meningkatkan lagi daya saing dan meneroka potensi pasaran eksport terutama di kalangan negara-negara anggota TPPA yang belum mempunyai sebarang FTA dengan Malaysia seperti Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico.